

Agong berkenan lawat FIA2022 di UK

Oleh Rohaniza Idris - Julai 20, 2022 @ 2:14pm
roha@bh.com.my



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat melawat Pertunjukan Udara Antarabangsa Farnborough 2022 (FIA2022) di UK, semalam. - Foto ihsan Facebook Istana Negara

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat melawat Pertunjukan Udara Antarabangsa Farnborough 2022 (FIA2022) di Farnborough, United Kingdom semalam.

Menurut catatan di laman Facebook Istana Negara hari ini, keberangkatan tiba Seri Paduka pada 10.30 pagi waktu tempatan disambut Pengerusi Farnborough International Paul Everitt dan barisan kepimpinan tertinggi Farnborough International.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Affendi Buang, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Zakri Jaafar.

Dalam lawatan itu, Al-Sultan Abdullah berkenan melawat dan menerima sembah taklimat setiap wakil syarikat dan organisasi yang mengambil bahagian dalam FIA2022.

Baginda juga berkenaan meluangkan masa ke Pavilion Malaysia yang diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Sebanyak 17 syarikat Malaysia dengan kerjasama MATRADE dan tiga agensi kerajaan – Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Negara, Teraju Bumiputera Corporation dan Invest Selangor Berhad mengambil bahagian di FIA2022.

Selain itu, dalam lawatan yang sama baginda turut berkenan bertemu dan menyantuni Menteri Eksport United Kingdom, Andrew Griffith.

FIA2022 ialah acara dwitahunan berlangsung selama seminggu, bermula pada 18 Julai lalu yang menggabungkan pameran perdagangan, untuk industri aeroangkasa dan pertahanan, dan pertunjukan udara.

MATRADE telah mengambil bahagian dalam pameran dwitahunan ini sejak 2014.

Tahun lalu, eksport bahagian dan komponen aeroangkasa Malaysia berjumlah RM 5.79 bilion dengan pasaran eksport utama ialah Perancis, China dan United Kingdom.

FIA2022 dihadiri oleh gergasi aeroangkasa seperti Airbus, Boeing, Embraer dan Bombardier.